

KATEKASE@RUMAH 2021 #2

"YA, AKU MAHU, JADILAH ENGKAU TAHIR!"

(Hari Minggu Biasa Ke-6)

Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan,
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



PENGENALAN

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang dan membuat refleksi tentang Bacaan Injil bagi Hari Minggu Biasa Ke-6.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaiannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Ibubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Hari Minggu Biasa Ke – 6.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa, kami berkumpul di sini dalam nama Yesus. Semoga saya menjadi sedar akan mereka yang sakit, yang ditinggalkan oleh orang lain dan yang dipinggirkan oleh masyarakat. Bantulah saya untuk sentiasa menjangkau mereka dengan cinta dan belas kasih. Roh Kudus, bimbinglah kami dalam pembelajaran ini. Dalam nama Yesus Kristus kami berdoa, Amin.



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan Injil dari Markus 1: 40-45 serta maklumat di bawah. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsikan pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai soalan-soalan tersebut berdasarkan tahap pemahaman anak-anak.

Renungan atas bacaan Injil hari ini:

- “Kusta” merupakan satu terma yang digunakan untuk pelbagai jenis penyakit kulit pada waktu Yesus. Dalam hukum Yahudi, sesiapa yang mengalami penyakit kulit adalah dianggap “najis”. Sebab itu, pesakit-pesakit kusta sering dihalau atau dibuang dari masyarakat supaya mereka tidak menjangkiti orang lain. Malah, ahli keluarga mereka sendiri menjauhkan diri.
- Untuk Yesus menyentuh seorang pesakit kusta sangat mengejutkan orang Yahudi kerana Yesus mengambil risiko menjadi “najis” sekiranya Dia menyentuh seseorang yang dianggap “najis”. Namun, dengan demikian, Yesus memperlihatkan belas kasihNya pada semua, bahkan mereka yang dianggap “najis” oleh masyarakat.
- Lelaki ini dipenuhi dengan sukacita kerana dia telah disembuhkan dari penyakitnya. Namun, dia melakukan suatu perkara yang Yesus minta agar jangan dilakukan! Dia menyebarkan berita dan menjadi saksi atas kebaikan Yesus.

1. Dalam fikiran anda, siapakah mereka yang dianggap oleh masyarakat kita sebagai “najis”? Mengapakah mereka dilihat sebagai “najis”?
2. Apakah pendapat anda tentang perasaan pesakit-pesakit kusta apabila ahli keluarga serta masyarakat meminggirkan mereka dan menjauhi mereka yang dianggap sebagai “najis”? Bayangkan jika anda seorang pesakit kusta pada waktu Yesus. Bagaimanakah perasaan anda jika dilayan sebegitu?
3. Yesus menyentuh pesakit kusta walaupun menurut hukum Yahudi, ia akan menjadikan-Nya “najis” juga. Mengapakah Yesus tidak mengikut hukum tersebut? Sekiranya anda orang Yahudi pada waktu Yesus, bagaimanakah pandangan anda terhadap tindakan Yesus itu?

AKTIVITI-AKTIVITI SUSULAN

Pada muka surat seterusnya, terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada!

Aktiviti #1: Huraikan Perkataan Di Bawah

Yesus Menyembuhkan Seorang Yang Sakit Kusta

Baca kisah bagaimana Yesus menyembuhkan seorang yang sakit kusta dalam Matius 8:1 – 4 (AVB). Huraikan perkataan-perkataan berwarna merah di bawah untuk mengetahui 3 langkah penyembuhan yang dialami oleh lelaki tersebut.

Yesus turun dari bukit itu dan ramai orang mengikut-Nya. Seorang yang menghidap penyakit kusta datang bersujud di hadapan-Nya sambil berkata, “Tuan, sekiranya Tuan mahu, Tuan dapat mentahirkanku.”



LANGKAH 1

Yesus _____ tangan-Nya dan _____ dia.

h m l k a e g u n u r n m y h e u t e n n

LANGKAH 2

Yesus berkata, “Aku _____. _____!”

h a u m h T a a h i r l

LANGKAH 3

Pada _____ itu juga, penyakit kustanya _____.

t a s a I g a i n h


Aktiviti #2: Cari Perkataan

Mukjizat oleh Yesus: Menyembuh Pesakit Kusta

H	T	S	X	I	P	N	A	K	E	P	W	L	R	D
A	L	K	I	T	A	B	J	T	F	G	G	G	Y	I
K	K	O	T	P	U	G	G	N	A	S	U	K	A	S
K	Y	N	M	E	N	C	U	C	I	V	X	T	T	E
X	J	E	N	A	R	U	Z	U	E	K	Z	A	K	M
O	J	J	K	Y	E	S	U	S	L	G	J	S	S	B
K	P	E	N	Y	A	K	I	T	N	Q	K	K	O	U
I	R	E	D	A	P	T	A	Z	I	J	K	U	M	H
P	E	N	G	O	R	B	A	N	A	N	I	J	D	K
A	T	S	U	K	T	I	K	A	S	Q	I	Q	F	A
K	F	E	E	T	N	H	U	T	N	E	S	I	D	N
K	I	C	U	C	R	S	Z	V	C	P	W	Q	V	G
H	C	K	R	I	S	T	I	A	N	N	A	B	C	B
T	A	N	G	A	N	S	Z	B	L	S	Q	T	U	E
M	K	S	M	X	A	M	O	A	O	T	U	Q	E	U

ALKITAB
CUCI
PENYAKIT
DISEMBUHKAN
YESUS
MUKJIZAT
PENGORBANAN
DISENTUH

KRISTIAN
MENCUCI
TANGAN
AKU SANGGUP
SAKIT KUSTA
PADERI
KEUZURAN
PEKAN




Aktiviti #3: Selesaikan teka silang-kata

Yesus Menyembuhkan Seorang Yang Sakit Kusta

Seorang yang menghidap penyakit kusta datang kepada Yesus lalu berlutut meminta pertolongan-Nya. KataNya, "Jika Engkau mahu, Engkau dapat mentahirkanku." Yesus berbelas kasihan lalu menghulurkan tangan-Nya menyentuh orang itu sambil berkata, "Aku mahu. Tahirlah!" (Markus 1: 40 – 41)

Teka silang-kata ini berdasarkan Markus 1: 40 – 45



MELINTANG

2. Bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari
3. Kaum Adam yang dewasa
7. Untuk bersentuhan dengan sesuatu, terutamanya dengan menggunakan tangan
8. Untuk meminta sesuatu, atau bertanya berulang-kali

MENEGAK

1. Seseorang yang telah dilatih untuk menjalankan tugas dalam Gereja
4. Untuk mempersesembahkan binatang atau harta benda kepada Tuhan
5. Suatu penyakit kulit
6. Bebas dari kotoran atau bendasing

CUCI SENTUH	LELAKI RAYU	KUSTA KORBAN	TANGAN PADERI
----------------	----------------	-----------------	------------------

Aktiviti #4: Pecahkan Kod.

Yesus Menyembuhkan Seorang Yang Sakit Kusta

Seorang yang menghidap penyakit kusta datang kepada Yesus lalu berlutut meminta pertolongan-Nya. KataNya, "Jika Engkau mahu, Engkau dapat mentahirkanku." Yesus berbelas kasihan lalu menghulurkan tangan-Nya menyentuh orang itu sambil berkata, "Aku mahu. Tahirlah!" (Markus 1: 40 – 41)

Teka silang-kata ini berdasarkan Markus 1: 40 – 45



1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
Y	F	O	R	W	U	N	P	E	S	C	A	B	D	L	Z	X	Q	I	V	M	J	G	H	T	K

1. 15-12-26-19 15-12-26-19 _____
2. 25-12-7-23-12-7 _____
3. 10-12-7-23-23-6-8 _____
4. 8-12-14-9-4-19 _____
5. 15-6-25-6-25 _____
6. 14-19-10-9-7-25-6-24 _____
7. 16-1-12 9-6-12-6-23 _____
8. 10-9-21-13-6-24 _____
9. 11-6-11-19 _____
10. 21-9-4-12-1-6 _____

SANGGUP CUCI	SEMBUH PADERI	MERAYU SAKIT KUSTA	LAKI-LAKI LUTUT	DISENTUH TANGAN
-----------------	------------------	-----------------------	--------------------	--------------------

Aktiviti #5: Cari Perkataan

Yesus Menyembuhkan Seorang Yang Sakit Kusta

Seorang yang menghidap penyakit kusta datang kepada Yesus lalu berlutut meminta pertolongan-Nya. KataNya, "Jika Engkau mahu, Engkau dapat mentahirkanku." Yesus berbelas kasihan lalu menghulurkan tangan-Nya menyentuh orang itu sambil berkata, "Aku mahu. Tahirlah!" (Markus 1: 40 – 41)

Teka silang-kata ini berdasarkan Markus 1: 40 – 45



ORANG RAMAI
CUCI
BERCAKAP

SAKIT KUSTA
DISENTUH
LAKI-LAKI

BERITA
TANGAN
MERAYU


SEMBUH
PADERI
PEKAN

LUTUT
MENJADIKAN
SANGGUP

Aktiviti #6: Selesaikan teka silang-kata di bawah.

TEKA SILANG-KATA

Yesus Menyembuhkan Seorang Yang Sakit Kusta



MELINTANG

2. Lelaki ini meminta kebenaran dengan _____ untuk tinggal semula di kalangan masyarakat.
6. Yesus melakukan _____ dan tidak dijangkiti dengan penyakit tersebut.
7. Pesakit kusta berasa _____ kerana penyakit ini dan juga pandangan masyarakat bahawa penyakit itu disebabkan oleh dosa.
9. Yesus meminta lelaki tersebut supaya tidak menyebarkan misteri keajaiban itu tetapi lelaki itu berasa sungguh _____.
10. Pesakit kusta tidak dibenarkan berada di dalam kota kerana orang ramai _____.

MENEGAK


1. Yesus menyembuhkan lelaki itu dengan _____ yang pantas dan ajaib.
3. Apabila dia berlutut di hadapan Yesus, lelaki itu _____.
4. Kusta sejenis _____ yang berpunca dari bakteria.
5. Pesakit kusta itu bukan saja disembuhkan tetapi turut berasa _____.
8. _____ adalah satu penyakit yang boleh mengubah rupa bentuk seseorang.

TERUJA MALU	PENYAKIT SENTUHAN	KUSTA RENDAH HATI	PADERI PENYEMBUHAN	DISEMBUHKAN TAKUT
----------------	----------------------	----------------------	-----------------------	----------------------

Aktiviti #7: Bantu Orang-Orang yang sakit Kusta mencari Yesus

PERMAINAN MAZE: MENEMUI YESUS

Bantu pesakit kusta mencari Yesus agar mereka dapat disembuhkan. Lukiskan laluan tanpa bersilang dengan mana-mana garisan



Aktiviti #8: Warnakan gambar dan kongsikan cerita ini.



Warnakan gambar ini dan kemudian, kongsikan cerita ini kepada ibubapa/atau ahli keluarga yang lain.